

# Kemerosotan Akhlak Belia

Terjemahan:

Haili Zayyan Idru

Suatu perkara yang sentiasa menjadi kebimbangan, kerunsingan serta mengharu fikiran ibu bapa di masa ini ialah kemerosotan akhlak anak-anak mereka. Belia-belie di zaman ini sentiasa membantah akan segala yang dianggap mereka kolot dan tiada berfaedah diikuti. Mereka membelakangi keturunan kebudayaan, kemasyarakatan dan keagamaan dan suatu perasaan permusuhan terhadap segala yang mereka warisi dari orang tua mereka. Mereka menjadi mangsa suatu penyakit yang sedang meluas di seluruh dunia dan mereka menderhakai segala peraturan adat dan budi bahasa yang diajar oleh orang tua mereka. Mereka merasa tidak puas hati dengan keadaan sekeliling mereka, sangsi terhadap kepercayaan mereka, kurang pasti terhadap cita-cita dan angan-angan mereka. Mereka cenderung kepada jalan yang merbahaya yang hanya dapat memuaskan hawa nafsu dan menurut kehendak hati mereka sahaja.

Ibu-ibu bapa merasa terharu dengan keadaan ini dan mereka ngeri melihat perbuatan-perbuatan durjana yang menimpa diri anak-anak mereka. Kerana mereka tiada dapat berbuat sesuatu maka segala kesalahan mereka timpakan kepada pengaruh Baratlah yang merosakkan

akhlak anak-anak mereka. Saya tiada bersetuju tentang pendapat ini. Pengaruh Barat adalah merupakan suatu cabaran (ini tiada dapat dinafikan) tetapi ianya bukan satu-satunya faktor yang terbesar yang mengubah perangai anak-anak kita. Puncanya terletak kepada faktor yang lain. Keadaan memaksa kita mengkaji tingkah laku dan sikap belia-belie kita yang ganjil serta mencari punca perubahan-perubahan itu berlaku. Jika kita tidak mengambil berat perkara ini maka harapan kita terhadap keturunan kita di masa hadapan akan hampa. Dapat kita bayangkan nasib belia-belie kita di belakang hari dari jalan yang kita lihat mereka lalui sekarang.

Dari tingkah laku mereka, pandangan dan cita-cita yang mereka taja jelas pada kita yang belia kita tiada lagi mempunyai perasaan tulus ikhlas. Mereka tiada ikhlas terhadap segala-galanya. Mereka telah membelakangi darjat mereka dari segi akhlak dan tatatertib, pergaulan hidup bermasyarakat. Dengan membelakangi keturunan masyarakat serta kebudayaan mereka, serta melupai darjat dan akhlak mereka telah menafikan kewajipan agama dan kewajipan seorang terhadap orang tuanya. Yang menghairankan, mereka juga tiada tulus ikhlas terhadap

cita-cita mereka sendiri. Perasaan hasad yang menakluki mereka adalah sebagai “polong” yang menghisap darah dan tenaga mereka yang sihat menjadikan mereka percaya kepada yang fasik, berfikiran jahat dan melakukan perkara yang durjana laksana lintah masyarakat.

Di mana kesangsian wujud maka di situlah pula ghaib perasaan tulus ikhlas, kita tidak boleh menyalahkan belia kita kerana kurang ikhlas sebab mereka telah membuka mata mereka kepada keadaan yang goncang dan tiada tetap. Kekacauan yang disebabkan oleh pengaruh Barat walaupun dengan cara langsung atau tidak yang sedang berleluasan dengan tiada dapat ditahan-tahan telah mengoncangkan dunia ini ke akar-akar umbinya, sehingga apa yang akan terjadi tiada dapat kita pastikan.

Ombak huru-hara dan kekacauan dan kesengsaraan yang kini melimpahi dunia dapat mengoncang binaan yang kukuh. Begitu jugalah keadaan belia-belie kita. Mereka dibawa oleh arus ombak zaman *modern* yang lebih menjahanamkan dari “bah besar” yang memusnahkan dunia di zaman nabi Nuḥ *‘alayhi al-sallām*.

Mengapa belia-belie kita putus asa dalam menghadapi pancaroba? Mengapa mereka lebih rela menjadi manusia

**\* Kemerosotan Akhlak....\***

pengecut, membiarkan diri mereka dibawa oleh arus, laksana sehelai daun yang tiada berguna dari menentang ombak yang kuat seperti seekor ikan? Tiadakah mereka ingin memulakan penghidupan baharu dan mengubah sikap. Berkata-kata memang senang. Mendaki bukit lebih sukar dari menurun. Jatuh mengikut Barat lebih senang, menentangnya berkehendakkan tenaga yang kuat. Sebuah kapal yang padam jenteranya. Dengan senang sahaja boleh meluncur mengikut haluan ombak, tetapi untuk melawan ombak itu kapal itu akan bergoncang dengan kuatnya. Untuk menghadapi tentangan, selain dari usaha, dorongan adalah terlebih penting. Seseorang yang mendaki bukit, atau yang menentang tarikan bumi atau keleemasan menentang ombak, berbuat demikian dengan sesuatu hajat. Jika tidak kerana sesuatu dorongan maka tidaklah seseorang itu akan menyeksa dirinya.

Belia kita rajin dan usaha. Jiwa mereka penuh dengan semangat, dan kecekapan mereka tiada dapat disangsikan. Jika diberi perangsang dengan segera mereka akan bangkit tegak menentang segala dugaan besar, dan saya pasti akan kejayaan mereka. Mereka dapat mengoncang gunung jika ada dorongan. Ya! Hanya dorongan yang kurang.

Mengapa kita harus berusaha untuk membaiki kedudukan manusia? Inilah suatu tanggungan yang besar yang

memerlukan tenaga dan pengorbanan. Mengapa kita harus menanggung bebanan ini.

Dan apakah yang kita perolehi

Balasan yang dijanjikan adalah merupakan suatu dorongan yang terbaik. Dan apakah balasan yang lebih menarik dari balasan Tuhan, yang Maha Kuasa. Inilah balasan yang terbaik yang boleh kita janjikan kepada belia-belie kita, jika sudi mereka menerimanya. Tetapi mahukah mereka menerimannya? Adakah mereka mempunyai keyakinan terhadap balasan Akhirat? Tidak! Di sinilah terletak punca kejahilan belia-belie. Sungguhpun anak-anak kita dan mungkin kebanyakan daripada kita mengaku yakin kepada Tuhan tetapi sebenarnya mereka tidak yakin. Mereka masih sangsi dan ragu-ragu dalam pengertian mereka tentang agama, Tuhan, Alam Baqa' dan balasan Akhirat. Walaupun perkara ini memeranjatkan kita tiada dapat dinafikan bahawa belia-belie kita munafik. Sifat munafik mereka inilah menjadi suatu punca kemerosotan jasmani dan rohani mereka.

Dengan tiada mempercayai Tuhan dan tiada takut dengan penyeksaan Akhirat atau tertarik dengan nikmat-Nya, belia-belie kita tiada mempunyai tujuan hidup, sama sekali. Kerana mereka tiada yakin terhadap hari Akhirat, maka kepada mereka hidup berakhir dengan maut. Pengertian dan kepentingan sikap hidup mereka hilang sama sekali dan yang hanya tinggal di awang-awangan hanyalah kekafiran mereka. Akhlak yang menarik hilang dan belia-belie kita lemah tenaganya menjadikan mereka seperti yang telah saya katakan, rosak

fikiran, rosak kelakuan hanya gemar dengan kekuasaan dan hidup bagai lintah masyarakat. Penyelesaian akan didapati dari cara rukun Iman diajar dan ditafsirkan. Dengan membuka mata belia-belie kita kepada kemuliaan Ilahi maka akan terjaminlah keselamatan mereka.

---

**Kata-kata Hikmah**

Kekayaan orang yang berakal itu pada ilmunya, dan kekayaan orang yang bodoh itu pada hartanya. -al-Ṭanbālī.

\* \* \*

Kalau engkau lihat uban di kepalamu semakin bertambah, maka bekal Akhirat itu hendaklah disediakan. -Pendeta Islam.

\* \* \*

Kemana aku pergi ilmuku mengikut aku, tempatnya didadaku, bukan di peti ku. -Imam al-Shāfi'ī.

\* \* \*

Kerap kali yang musuh itu asalnya kawan, oleh sebab itu wajib kita bercermat memilih sahabat. -Muslim

\* \* \*

Kalau engkau tidak mahu derhaka kepada hawa nafsu mu, nescaya engkau derhaka kepada Tuhan. -Pepatah Inggeris.

\* \* \*

Kalau seseorang manusia itu telah diketahui berdusta, tak akan berhentinya ia dianggap oleh manusia lain sebagai pendusta, walaupun ia sudah bercakap benar. -Hukama.

\* \* \*

Kembali dari perang Uhud, ialah kembali dari peperangan yang sekecil-kecilnya, menempuh peperangan yang sebesar-besarnya ialah perang dengan hawa nafsu. -Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*.